



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PEREKRUTAN DAN PEMILIHAN PEKERJA
KOD KURSUS : DSM2143
PEPERIKSAAN : JANUARI 2024
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian: BAHAGIAN A (40 Markah)
BAHAGIAN B (60 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **semua** soalan pada Kertas Jawapan Objektif.

1. Objektif _____ ialah mengundang lebih ramai calon untuk memohon jawatan kosong.
 - A pemilihan
 - B pelantikan
 - C pengiklanan
 - D pengambilan

2. Manakah antara berikut **bukan** merupakan faktor persekitaran dalaman dalam pengambilan pekerja?
 - A Belanjawan.
 - B Imej korporat.
 - C Polisi kenaikan pangkat.
 - D Perancangan sumber manusia.

3. Apakah maksud pendekatan kualitatif?
 - i. Analisis data statistik dalam membuat kajian.
 - ii. Pendekatan kajian yang menggunakan kajian kes.
 - iii. Merupakan pendekatan yang bersifat angka dan numerikal.
 - iv. Penyelidikan yang menghasilkan data berdasarkan pengamatan oleh manusia.
 - A i dan ii
 - B i dan iii
 - C ii dan iv
 - D iii dan iv

4. Manakah antara berikut merupakan objektif organisasi melaksanakan perancangan sumber manusia?
- Memenuhi keperluan pekerja secara optimum.
 - Meramal keperluan tenaga kerja pada masa hadapan.
 - Menilai kelayakan tenaga kerja pada masa akan datang.
 - Membentangkan bajet berkaitan perancangan sumber manusia.
- A i dan ii
B ii dan iii
C iii dan iv
D i dan iv

Soalan 5 dan 6 adalah berdasarkan maklumat di bawah.

Syarikat Benang Emas sedang membuat ramalan keperluan sumber manusia untuk tahun 2024. Jumlah pekerja di Syarikat Benang Emas adalah 1500 orang dan pada penghujung tahun 2023 seramai 63 orang pekerjaanya akan bersara.

Pernyataan 1

5. Berapakah jumlah keperluan sumber manusia syarikat berkenaan untuk tahun 2024?
- A 1437 orang
B 1450 orang
C 1500 orang
D 1563 orang
6. Apakah kaedah ramalan keperluan sumber manusia yang telah digunakan oleh Syarikat Benang Emas?
- A Analisis trend.
B Analisis nisbah.
C Ramalan pengurusan.
D Ramalan berasaskan sifar.

7. Apakah kelemahan kaedah pemerhatian?
- A Teknik ini tidak boleh mengukur aktiviti-aktiviti rutin pekerja.
 - B Teknik ini tidak sesuai bagi pekerjaan yang melibatkan aktiviti mental.
 - C Teknik ini tidak sesuai digunakan untuk mendapatkan data dalam kalangan Operator Pengeluaran.
 - D Hasil data yang diperoleh boleh diragui kerana pemerhati melaksanakan teknik ini dalam jangka masa yang singkat.
8. Encik Jamil telah diminta untuk memungut data analisis kerja dalam kalangan Pereka Grafik di syarikat beliau bekerja. Hasil data tersebut diperoleh dari soalan-soalan yang perlu diisi oleh pekerja melalui borang yang telah disediakan. Apakah teknik yang digunakan oleh Encik Jamil dalam memungut data kerja berkenaan?
- A Temu bual.
 - B Log pekerja.
 - C Pemerhatian.
 - D Kajian soal selidik.
9. Maklumat berikut berkaitan jenis data yang dipungut oleh Syarikat Mami Gunting Sdn. Bhd. untuk jawatan *Boilerman*.

- Mencatat data operasi *boiler* setiap hari.
- Memeriksa dan mencatat hasil pengukuran tekanan *boiler* setiap lapan jam sekali.
- Mengawal bahan bakar yang digunakan sama ada sesuai dengan keadaan *boiler*.

Pernyataan 2

Berdasarkan pernyataan 2, kenal pasti apakah jenis data yang telah dipungut oleh syarikat Mami Gunting Sdn. Bhd.?

- A Aktiviti kerja.
- B Prestasi kerja.
- C Piawaian tugas.
- D Deskripsi kerja.

10. Ujian yang digunakan untuk menilai sama ada calon boleh melaksanakan tugas yang berkaitan jawatan yang dipohonnya dikenali sebagai

- A ujian pengetahuan pekerjaan.
- B ujian sampel pekerjaan.
- C ujian prestasi.
- D ujian aptitud.

11. Pilih pernyataan yang **benar** tentang objektif mengadakan sesi temu duga.

- A Mendapatkan maklumat penting tentang pemohon.
- B Memberikan soalan yang bernas kepada pemohon.
- C Mengenal pasti sama ada maklumat yang diberikan oleh pemohon adalah benar atau tidak.
- D Memberitahu pemohon maklumat-maklumat tentang jabatan dan bahagian dalam organisasi.

12. Puan Tina akan mengadakan sesi temu duga bagi jawatan kerani pada hujung bulan ini. Manakah antara berikut yang perlu dipertimbangkan oleh Puan Tina sebelum memulakan proses temu duga?

- i. Merancang temu duga.
- ii. Ralat dalam temu duga.
- iii. Keberkesanan proses temu duga.
- iv. Soalan-soalan yang berkaitan dengan jawatan yang dipohon.

- A i dan ii
- B ii dan iii
- C iii dan iv
- D i dan iv

13. Pasangan manakah yang **benar** tentang X dan Y?

	X	Y
A	Temu duga seorang dengan seorang	Fatimah telah ditemu duga oleh empat orang wakil dari pelbagai jabatan.
B	Temu duga panel	Latifah telah menjalani sesi temu duga untuk jawatan Kerani Akaun. Namun begitu, beliau tidak berasa tertekan dalam sesi temu duga berkenaan.
C	Temu duga berstruktur	Encik Yusof berasa tidak puas hati dalam sesi temu duga semalam. Ini kerana beliau tidak dibenarkan membincangkan perkara-perkara lain yang tidak termasuk dalam kriteria penilaian.
D	Temu duga tidak berstruktur	Oleh kerana calon temu duga adalah ramai, Encik Tan terpaksa membahagikan calon-calon kepada beberapa kumpulan bagi menjimatkan masa sesi temu duga yang dijalankan.

14. Cik Maria telah memohon jawatan sebagai Penyambut Tetamu. Semasa sesi temu duga, beliau telah diminta untuk menunjukkan tatacara mengangkat dan menjawab panggilan telefon daripada pelanggan. Berikut merupakan tujuan panel temu duga menyuruh Cik Maria berbuat sedemikian **kecuali**

- A menguji kemahiran calon.
- B Menilai kemahiran calon berkaitan jawatan itu.
- C memastikan jawatan yang dipohon adalah memenuhi kelayakan akademik calon.
- D menentukan sama ada kemahiran yang diletakkan dalam resume sebenarnya dikuasai atau tidak oleh calon.

15. Manakah antara berikut merupakan contoh kebolehpercayaan ujian anggaran bentuk setara?

- A Jenny telah diminta untuk menjalani ujian tekanan bagi menguji sama ada Jenny mampu bekerja dalam keadaan tertekan atau tidak.
- B Ujian matematik telah diadakan pada 15 Ogos 2023. Soalan yang sama telah digunakan semula untuk ujian matematik pada 16 September 2023.
- C Anda telah diberikan 10 soalan ujian berkaitan dengan minat vokasional dengan tujuan untuk mengukur minat calon untuk bekerja di luar pejabat.
- D Mimi telah menghadiri dua kali ujian bahasa pada 1 Julai 2023 dan 31 Julai 2023. Namun begitu, soalan yang diberikan untuk kedua-dua ujian berkenaan adalah soalan yang sama.

16. Antara sumber perekrutan berikut, yang manakah merupakan contoh sumber perekrutan luaran?

- i. Guru berpencen.
- ii. Memo makluman kepada staf.
- iii. Pemegang Biasiswa Maybank.
- iv. Berpindah cawangan di Melaka.

- A i dan ii
- B i dan iii
- C ii dan iv
- D iii dan iv

Soalan 17 dan 18 adalah berdasarkan kepada maklumat di bawah.

SYARIKAT AYAM HITAM	
<u>MEMO</u>	
Tarikh	: 16 Februari 2023
Tajuk	: Iklan Jawatan Kosong sebagai Pengurus Grafik dan Animasi
Syarat permohonan	:
	a) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Seni Visual yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
	b) Mempunyai ciri-ciri kepimpinan.
	c) Boleh bekerja dalam satu pasukan.
	d) Mempunyai kemahiran interpersonal yang baik.
Permohonan hendaklah dibuat secara bertulis dengan menghantar surat permohonan dan resume. Bagi permohonan secara lantikan, pemohon perlulah memenuhi syarat berikut:	
	i. Bekerja sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam bidang.
	ii. Penilaian prestasi yang cemerlang.
	iii. Setiap permohonan perlu mendapatkan pengesahan daripada Ketua Jabatan.
Setiap permohonan perlu dihantar kepada Bahagian Pentadbiran sebelum atau selewat-lewatnya pada 28 Feb 2023.	

Memo 1

17. Berdasarkan memo di atas, apakah kaedah yang telah digunakan oleh Syarikat Ayam Hitam?

- A Pameran kerja.
- B Pembidaan kerja.
- C Kenaikan pangkat.
- D Hebahan dan tawaran jawatan kosong.

18. Berdasarkan memo 1, apakah kebaikan terhadap kaedah pengambilan sumber dalaman yang dilaksanakan oleh Syarikat Ayam Hitam?

- i. Mengekalkan pekerja yang baik dalam organisasi.
- ii. Boleh membawa pembaharuan kepada organisasi.
- iii. Pekerja akan lebih bertanggungjawab terhadap pencapaian matlamat organisasi.
- iv. Peluang untuk mendapatkan calon yang berpelajaran tinggi dan berkualiti adalah lebih tinggi.

- A i dan ii
B i dan iii
C ii dan iv
D iii dan iv

19.

Shamsul baru sahaja menamatkan pengajiannya dari Universiti Malaya. Kini beliau sedang mencari pekerjaan yang bersesuaian dengan bidang pengajiannya. Shamsul menghantar permohonan bertulis sebagai Pegawai Perkapalan di Syarikat MUC setelah terpandang iklan jawatan kosong syarikat berkenaan di *facebook*. Beliau juga telah menghadiri temu duga terbuka di syarikat berkenaan tanpa perlu membuat temu janji terlebih dahulu

Pernyataan 3

Berdasarkan pernyataan 3, apakah kaedah pengambilan luaran yang telah digunakan?

- A Pengambilan melalui internet.
B Pengambilan secara langsung.
C Pengambilan melalui pihak ketiga.
D Pengambilan secara tidak langsung.

20. Berdasarkan maklumat berikut, pilih padanan yang **tepat** tentang garis panduan untuk mengiklankan jawatan kosong.

i.	<i>Attention</i>	Syarikat Shah telah menggunakan dua muka surat penuh dalam Malay Daily untuk mengiklankan beberapa jawatan penting seperti Pengarah Urusan dan Eksekutif Pentadbiran.
ii.	<i>Interest</i>	"Syarikat menyediakan program latihan yang baik untuk pembangunan kerjaya serta pakej umrah kepada calon yang layak"
iii.	<i>Desire</i>	Syarikat Qliq telah mengeluarkan iklan jawatan kosong dengan menggunakan ayat "Jika anda sedang mencari pekerjaan, ini bukan untuk anda. Kami tidak berminat untuk menawarkan pekerjaan kepada anda tetapi kerjaya"
iv.	<i>Action</i>	Sila hubungi Puan Normah untuk mengatur sesi temu duga.

- A i dan ii
- B ii dan iii
- C iii dan iv
- D i dan iv

[40 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

SOALAN 1

- a. Puan Kuntum perlu menyediakan borang penilaian temu duga sebelum sesi temu duga berlangsung pada 30 Ogos 2023. Terdapat tujuh kriteria yang perlu dinilai oleh panel temu duga. Oleh itu, anda diminta untuk membantu Puan Kuntum untuk menyediakan satu borang penilaian temu duga berdasarkan kriteria yang telah diberikan.

(15 markah)

- b. Bias selalunya timbul sewaktu proses temu duga. Penemu duga biasanya terpengaruh dengan maklumat yang kurang baik berkenaan calon. Pada pendapat anda, apakah garis panduan yang boleh diikuti oleh penemu duga untuk mengelak bias daripada berlaku?

(15 markah)

SOALAN 2

TS Sdn. Bhd. dalam mencari calon untuk jawatan Eksekutif Jualan. Puan Melati telah diminta untuk menguruskan proses pengambilan pekerja untuk jawatan berkenaan. Namun begitu, Puan Melati telah mencadangkan kepada pihak majikan agar menggunakan sumber perekrutan luaran untuk mendapatkan calon yang layak.

- a. Mengapakah Puan Melati memilih sumber perekrutan luaran berbanding sumber perekrutan dalaman dalam proses pengambilan pekerja?

(14 markah)

- b. Cadangkan strategi yang boleh digunakan oleh Puan Melati untuk melaksanakan perekrutan luaran yang berkesan supaya tidak berlakunya pembaziran kos.

(16 markah)

[60 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

0

0